

**SOALAN LAZIM  
SKIM DIDIK ZAKAT & SIMPAN SSPN PRIME (DZAS)**

**1. Soalan:**

Apakah "Skim Didik Zakat & Simpan SSPN Prime" (DZAS)?

**Jawapan:**

Skim yang ditawarkan oleh Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) dengan kerjasama Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi menggalakkan Pembayar Zakat PPZ-MAIWP dan Pendeposit Akaun Simpan SSPN Prime mendidik anak-anak mereka tentang kewajipan membayar zakat di samping meningkatkan tahap kesedaran menabung bagi tujuan Pendidikan ("Skim DZAS").

**2. Soalan:**

Apakah terma & syarat untuk menyertai Skim DZAS?

**Jawapan:**

Syarat - syarat untuk menyertai skim ini adalah seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia yang mencukupi syarat-syarat wajib berzakat.
- ii. Pembayar Zakat Harta\* (ibu/bapa/penjaga dan anak) di PPZ-MAIWP dalam tempoh kempen skim daripada 1 September 2022 sehingga 31 Ogos 2023.  
\*Zakat Pendapatan, Zakat Perniagaan, Zakat Simpanan & lain-lain kecuali Fitrah.
- iii. Membayar Zakat Harta mengikut kadar sebenar jumlah taksiran atau membayar serendah RM100.00 setahun seorang.
- iv. Akaun Simpan SSPN Prime yang berkenaan tidak ditutup sehingga peserta skim (penerima manfaat) berumur 18 tahun.
- v. Peserta Skim di kalangan anak-anak pembayar zakat mestilah merupakan anak kandung / anak angkat yang sah berumur 15 tahun dan ke bawah pada tahun semasa 2022 dan 2023.
- vi. Pendaftaran skim mesti melalui ibu / bapa / penjaga.

**3. Soalan:**

Bilakah Skim DZAS boleh disertai?

**Jawapan:**

Skim DZAS boleh disertai **mulai 1 September 2022 sehingga 31 Ogos 2023**, tertakluk kepada **5,000 peserta terawal**.

**4. Soalan:**

Apakah Insentif yang ditawarkan melalui Skim DZAS?

**Jawapan:**

Insentif di bawah akan diberikan khusus kepada peserta yang menyertai Skim DZAS.

BIL.	INSENTIF SKIM DZAS
1.	Menerima Sumbangan Pendidikan PPZ-MAIWP bernilai <b>RM100 seorang setiap 3 tahun sekali</b> & didepositkan terus ke Akaun Simpan SSPN Prime sehingga penerima manfaat berumur 18 tahun.
2.	PPZ-MAIWP & PTPTN menaja pendaftaran pembukaan Akaun Simpan SSPN Prime sebanyak RM20.00 bagi mana-mana peserta yang belum membuka akaun simpanan tersebut tertakluk <b>kepada 3,000 peserta yang terawal</b> . Peserta skim yang telah membuka akaun Simpan SSPN Prime dan membayar zakat di PPZ-MAIWP dalam tempoh kempen juga layak untuk dapat tajaan RM20.00.
3.	Menerima sumbangan Skim Kafalah Muzakki (Khairat Kematian) sehingga RM3,000.*
4.	Lain-lain keistimewaan yang disediakan oleh PTPTN untuk pendeposit Akaun Simpan SSPN Prime.

\*tertakluk pada terma dan syarat Skim Kafalah Muzakki.

**5. Soalan :**

Bilakah peserta akan menerima Sumbangan Pendidikan PPZ-MAIWP bernilai RM100?

**Jawapan:**

Peserta akan menerima Sumbangan Pendidikan PPZ-MAIWP bernilai **RM100 seorang setiap 3 tahun sekali** iaitu yang akan didepositkan ke Akaun Simpan SSPN Prime pada tahun ke-4 sehingga penerima manfaat berumur 18 tahun.

**6. Soalan:**

Adakah keistimewaan Akaun Simpan SSPN Prime diperluaskan kepada Skim DZAS?

**Jawapan:**

Ya dan pelbagai keistimewaan seperti berikut:

- i. Pelepasan taksiran cukai ke atas simpanan bersih tahun semasa hingga RM8,000.00 setahun bagi akaun yang dibuka atas nama anak atau anak angkat yang sah sebagai penerima manfaat;
- ii. Perlindungan takaful secara percuma ke atas pendeposit yang mempunyai simpanan RM1,000.00 ke atas;
- iii. Kadar dividen yang kompetitif dan dikecualikan daripada cukai pendapatan;

- iv. Pemberian geran sepadan kerana memasuki institusi pengajian tinggi (IPT) sehingga RM10,000.00 untuk satu keluarga yang layak bagi akaun yang dibuka atas nama anak sebagai penerima manfaat;
- v. Simpanan dijamin oleh kerajaan; dan
- vi. Layak memohon pinjaman pendidikan PTPTN.

## 7. Soalan:

Sekiranya peserta menyertai Skim DZAS ketika umur anak 11 tahun dan tidak mempunyai akaun Simpan SSPN Prime, apakah insentif yang diperolehi?

### Jawapan:

Illustrasi penerimaan insentif Skim DZAS yang akan diperolehi seperti jadual di bawah:-

Tahun	2022	2023	2024	2025	2026	2027	2028	2029
Umur Peserta (Tahun)	11	12	13	14	15	16	17	18
Bayaran Zakat Harta Peserta – Anak (RM)	100	100	100	100	100	100	100	100
Bayaran Zakat Harta Ibu / Bapa / Penjaga (RM)	100	100	100	100	100	100	100	100
<b>INSENTIF SKIM DZAS</b>								
1. Pembukaan Akaun Simpan SSPN Prime Secara Percuma (RM)	20	-	-	-	-	-	-	-
2. Menerima Sumbangan Pendidikan PPZ-MAIWP (RM)	-	-	-	100	-	-	-	100
3. Skim Kafalah Muzakki (Khairat Kematian)	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
4. Lain-lain Keistimewaan Untuk Pendeposit Akaun Simpan SSPN Prime	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓

## 8. Soalan:

Bagaimanakah untuk menyertai Skim DZAS ini?

### Jawapan:

Langkah-langkah adalah seperti berikut:

- i. Ibu / bapa / penjaga & anak-anak membayar Zakat Harta melalui semua saluran pembayaran zakat di PPZ-MAIWP mengikut kadar sebenar jumlah taksiran atau membayar serendah RM100 seorang dalam tempoh kempen;
- ii. Pendaftaran skim mesti melalui ibu / bapa / penjaga;
- iii. Pastikan anak-anak ( anak kandung / anak angkat) masih berumur 15 tahun dan ke bawah pada tahun semasa 2022 dan 2023;

iv. Isi dan lengkapkan borang penyertaan Skim DZAS secara atas talian di **dzas.zakat.com.my**. Pautan tersebut juga boleh didapati di portal rasmi PPZ-MAIWP dan PTPTN. Status pendaftaran akan dimaklumkan kepada Ibu / bapa / penjaga melalui e-mel oleh PPZ-MAIWP.

**9. Soalan:**

Bagaimana hendak menyemak status pendaftaran Skim DZAS?

**Jawapan:**

Status pendaftaran Skim DZAS boleh disemak secara dalam talian melalui pautan **dzas.zakat.com.my** atau kaunter PPZ-MAIWP atau di Talian Zakat 1 300 88 5757.

**10. Soalan:**

Bagaimana peserta mengetahui Sumbangan Pendidikan PPZ-MAIWP sebanyak RM100 telah dikreditkan ke akaun Simpan SSPN Prime?

**Jawapan:**

PPZ-MAIWP akan menghantar khidmat pesanan ringkas (SMS) kepada ibu / bapa / penjaga atau boleh menyemak penyata akaun Simpan SSPN Prime melalui Portal Rasmi PTPTN untuk mengesahkan penerimaan Sumbangan Pendidikan PPZ-MAIWP.

**11. Soalan:**

Adakah Skim DZAS mempunyai had penyertaan?

**Jawapan:**

Ya, tertakluk 5,000 peserta yang terawal sahaja.

**12. Soalan:**

Adakah perlu membuka Akaun Baru Simpan SSPN Prime sekiranya saya telah mempunyai akaun?

**Jawapan:**

Tidak perlu.

**13. Soalan:**

Sekiranya saya tinggal di Selangor dan merupakan Pembayar Zakat di Kuala Lumpur adakah layak menyertai Skim DZAS?

**Jawapan:**

Ya, layak.

**14. Soalan:**

Sekiranya saya dan Isteri merupakan pembayar zakat PPZ-MAIWP yang berasingan dan mempunyai 2 orang anak, berapakah penyertaan Skim DZAS yang layak?

**Jawapan:**

Penyertaan yang layak adalah 2 iaitu mengikut bilangan anak tersebut. Salah seorang daripada ibu / bapa / penjaga boleh mendaftarkan untuk kesemua anak-anak atau ibu / bapa / penjaga boleh mendaftarkan anak-anak secara berasingan mengikut persetujuan bersama. Seorang anak tidak boleh didaftarkan sebanyak 2 kali.

Contoh : Ayah & Ibu (kedua-duanya pembayar zakat) ada 2 orang anak yang bernama Ali & Minah. Ayah telah daftarkan Ali & Minah. Oleh itu ibu tidak boleh lagi mendaftarkan kedua-dua anak tersebut atau salah seorangnya. Ini disebabkan kedua-dua anak tersebut telah didaftarkan oleh bapa.

**15. Soalan:**

Bolehkah Pengeluaran Simpan SSPN Prime dibuat setelah menyertai DZAS?

**Jawapan:**

Boleh. Walau bagaimanapun, bagi membolehkan peserta layak mendapat insentif di bawah Skim DZAS ini, peserta tidak dibenarkan menutup akaun sehingga umur anak mencapai usia 18 tahun.

**16. Soalan:**

Adakah layak menyertai Skim DZAS dan menerima tajaan RM20.00 sekiranya peserta membuka Akaun Simpan SSPN Prime terlebih dahulu sebelum membayar zakat?

**Jawapan:**

Layak dengan syarat peserta tersebut baru membuka Akaun Simpan SSPN Prime dalam tempoh kempen dan ibu / bapa / penjaga & anak perlu membayar zakat di PPZ-MAIWP dalam tempoh yang sama.

**17. Soalan:**

Bolehkah daftar Skim DZAS sekiranya pembayaran zakat dilaksanakan oleh anak-anak sahaja tanpa ada pembayaran zakat oleh ibu / bapa / penjaga?

**Jawapan:**

Tidak boleh, melainkan ibu / bapa / penjaga juga membayar zakat mengikut jumlah taksiran atau minimum bayaran RM100 setahun.

**18. Soalan:**

Adakah saya layak menyertai Skim DZAS sekiranya saya merupakan pembayar zakat PPZ-MAIWP sedia ada secara potongan gaji?

**Jawapan:**

Layak dengan syarat jumlah minimum potongan RM100 setahun.

**19. Soalan:**

Sekiranya saya telah membayar zakat pada bulan Januari 2022, adakah saya layak menyertai Skim DZAS?

**Jawapan:**

Layak. Pembayar Zakat yang membayar zakat di PPZ-MAIWP pada tahun 2022 sehingga Ogos 2023, perlu mendaftar Skim DZAS dalam tempoh kempen.

**20. Soalan:**

Bolehkah pengeluaran Sumbangan Pendidikan PPZ-MAIWP dibuat?

**Jawapan:**

Boleh.

**21. Soalan:**

Adakah amaun Sumbangan Pendidikan PPZ-MAIWP layak insentif pelepasan Taksiran Cukai Pendapatan?

**Jawapan:**

Layak.

**22. Soalan:**

Adakah amaun Sumbangan Pendidikan PPZ-MAIWP layak insentif dividen tahunan Akaun Simpan SSPN Prime?

**Jawapan:**

Layak.

**23. Soalan:**

Jika Akaun Simpan SSPN Prime perserta Skim DZAS ditutup sebelum mencapai usia 18 tahun, adakah insentif yang telah diterima akan ditarik balik?

**Jawapan:**

Tidak. Walau bagaimanapun tiada insentif layak diterima setelah penutupan akaun.

**24. Soalan:**

Dalam tempoh berapa hari ibu / bapa / penjaga boleh mendaftar Skim DZAS ini selepas membuat bayaran zakat di PPZ-MAIWP?

**Jawapan:**

- i. Bayaran zakat yang dibuat melalui saluran kaunter, portal dan kaunter zakat bergerak PPZ-MAIWP:  
Pendaftaran skim boleh dibuat pada hari yang sama selepas bayaran zakat dibuat.
- ii. Bayaran zakat yang dibuat selain daripada di atas kecuali Potongan Gaji, direct debit & autodebit:  
Pendaftaran skim boleh dibuat selepas 3-5 hari bekerja dari tarikh bayaran zakat dibuat.
- iii. Bayaran zakat melalui potongan gaji, direct debit & autodebit:  
Pendaftaran skim boleh dibuat selepas amaun terkumpul potongan zakat RM100 & ke atas.

**25. Soalan:**

Bolehkah mendaftarkan Skim DZAS untuk lebih daripada seorang anak?

**Jawapan:**

Ya boleh dan tiada had bilangan anak. Ia mesti tertakluk kepada syarat kelayakan yang ditetapkan dan seorang anak tidak boleh didaftarkan 2 kali.

**26. Soalan berkaitan hukum zakat ke atas kanak-kanak.**

**i. Soalan:**

Adakah kanak-kanak dikenakan zakat walaupun belum baligh?

**Jawapan:**

Secara umumnya para fuqaha' tidak meletakkan syarat baligh dan berakal sebagai syarat wajib zakat, menunjukkan bahawa kanak-kanak juga wajib untuk menunaikan zakat jika sekiranya memenuhi syarat-syarat kewajipan berzakat.

Imam al-Mawardi menyebut dalam kitabnya, al-Hawi al-Kabir dengan menukilkan pandangan Imam al-Syafie:

وَتَجْبُ الصَّدَقَةُ عَلَى كُلِّ مَالِكٍ تَامَ الْمُلْكُ مِنَ الْأَحْرَارِ ، وَإِنْ كَانَ صَغِيرًا أَوْ مَعْثُوًّا أَوْ امْرَأً لَا فَرْقَ بَيْنَهُمْ فِي ذَلِكَ

**Maksudnya:** Zakat hukumnya wajib bagi setiap orang yang memiliki harta dengan pemilikan sempurna (*tam al-milk*), dari pemilik orang merdeka (bukan hamba), meskipun anak kecil atau orang gila atau wanita. Tidak ada perbezaan antara mereka dalam kewajiban berzakat. (Rujuk *al-Hawi al-Kabir*, 3:329)

Di dalam kitab *al-Taqrirat al-Sadidah fi al-Masail al-Mufidah* pula, Syeikh Hasan al-Kaff menyebutkan bahawa:

فَإِنْ مِنْ شُرُوطٍ وُجُوبِ الزَّكَاةِ: الْبُلُوغُ وَالْعُقْلُ قَرْجُبٌ فِي مَالِ الصَّبِيِّ وَالْمَجْنُونِ وَالْمَخَاطِبُ بِذَلِكَ وَلِيُهُمَا

**Maksudnya:** Justeru, tidak termasuk dalam syarat-syarat wajib zakat, syarat *baligh* dan *berakal*. Oleh itu, wajib dikeluarkan zakat ke atas harta kanak-kanak dan orang gila. Dan yang diperintahkan untuk melaksanakan demikian bagi pihak mereka ialah wali mereka. (Rujuk *al-Taqrirat al-Sadidah fi al-Masail al-Mufidah*: 397)

Justeru, zakat harta kanak-kanak adalah diwajibkan dan hendaklah diuruskan oleh wali mereka atau pihak yang dipertanggungjawabkan menjaga harta mereka.

**ii. Soalan:**

Adakah sesuatu harta dianggap milik sempurna seseorang anak setelah dilafazkan pemilikannya oleh ibubapa walaupun secara fizikal harta tersebut diguna oleh ibubapa? Contohnya rantai emas.

**Jawapan:**

Sekiranya proses pindah milik berlaku samada dengan cara dilafazkan, diserahkan mahupun ditentukan kadar dan bentuk pemilikannya, serta tiada halangan dari segi penggunaan maka ia telah dianggap sebagai milik sempurna kepada pihak yang diberikan pemilikan harta tersebut.

Kanak-kanak misalnya jika ibu bapa memberi pemilikan ke atas sesuatu barang atau item yang tertakluk kepada kewajipan zakat, misalnya emas, maka zakat tersebut wajib ditunaikan. Meskipun secara fizikal harta tersebut digunakan oleh ibu bapa, maka itu dianggap sebagai pinjaman dan wajib harta tersebut dikembalikan kepada pemiliknya iaitu kanak-kanak tersebut.

**iii. Soalan:**

Bagaimana nak kira harta seseorang anak yang bercampur dengan harta ibubapa terutamanya kongsi akaun simpanan?

**Jawapan:**

Jika perkongsian harta berlaku dari aspek pencampuran harta dan pemilikan masing masing tidak ditentukan, maka harta tersebut dianggap milik satu individu. Ini disebut sebagai *khultah*. Maka zakat dikenakan seolah olah harta tersebut dimiliki oleh seorang individu sahaja dan tidak dipecahkan kepada pemilikan berbeza. Akan tetapi jika berkongsi satu akaun, namun pemilikannya ditentukan jumlah dan bahagian masing-masing atas setiap individu, maka zakatnya dikira atas bahagian setiap individu.

**iv. Soalan:**

Saya dikenakan zakat RM1,000. Bolehkah saya keluarkan resit zakat atas nama anak saya sebanyak RM100 walaupun harta anak saya tidak cukup nisab? Baki bayaran RM900 atas nama saya.

**Jawapan:**

Perkara ini melibatkan soal teknikal. Apa yang penting proses bayaran diketahui dan diniatkan oleh pihak yang berzakat bahwasanya jumlah zakatnya secara keseluruhan adalah sebanyak RM1,000, namun secara teknikal hanya dipecahkan nama ketika proses pengeluaran resit dilakukan.

**v. Seorang anak (berumur 3 tahun) mendapat harta peninggalan ibubapa yang telah meninggal dunia bernilai RM20,000 selepas membuat pembahagian faraid.**

**a. Soalan:**

Adakah dikenakan bayaran zakat selepas setahun sekiranya tidak mengeluarkan simpanan tersebut? Adakah pemegang amanah / penjaga perlu membayar bagi pihak anak tersebut?

**Jawapan:**

Zakat ke atas harta anak yatim yang menerima pusaka peninggalan kedua ibu bapanya tetap dikenakan. Sekiranya wang atau harta tersebut disimpan melebihi setahun maka zakat tertakluk ke atas harta tersebut. Jika anak tersebut masih belum cukup umur, maka pemegang amanah atau penjaganya wajib mengeluarkan zakat dari harta tersebut bagi pihaknya.

**b. Soalan:**

Adakah kanak-kanak yang berumur 15 tahun ke bawah dan mempunyai harta yang mencukupi nisab, wajib dikenakan zakat?

**Jawapan:**

Menurut Imam Syafi'i, maksud zakat ialah menutup pintu kefakiran daripada harta orang kaya untuk mensyukuri nikmat Allah dan membersihkan harta.

Harta kanak-kanak boleh sahaja diterima untuk menunaikan perbelanjaan nafkahnya dan hutang. Apabila telah tetap perkara tersebut, maka zakat adalah wajib pada harta kanak-kanak dan orang gila, walaupun kanak-kanak tersebut belum baligh. Maka, wajib bagi penjaga kepada kedua-dua golongan di atas untuk mengeluarkan zakat daripada harta bagi kanak-kanak dan orang gila.

Sekiranya penjaga bagi kedua-dua pihak tidak mengeluarkan zakat, maka wajib atas kanak-kanak dan orang gila tersebut mengeluarkan zakat mereka setelah kanak-kanak itu baligh dan orang gila itu kembali siuman. (al-Majmu', jilid.2.ms.302)

Wang simpanan anak itu wajib dikeluarkan zakat apabila cukup haul dan nisabnya, sebanyak 2.5%. Menangguhkan daripada mengeluarkan zakat kanak-kanak itu, akan menyebabkan ibu bapa atau penjaganya berdosa.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma & syarat penuh  
**Skim Didik Zakat & Simpan SSPN Prime (DZAS)***

*Maklumat dikemaskini pada 5 September 2022*